



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK**

**KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER**

TAWARAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER KE ATAS TANAH KERAJAAN SELUAS LEBIH KURANG 20,234.3 METER PERSEGI (5 EKAR) MUKIM RAWANG, DAERAH GOMBAK

**TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN**

Tawaran ini adalah terbuka kepada individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Perihal tanah adalah seperti berikut :-

- 1 Lokasi Tanah : Ulu Kuang, Mukim Rawang Daerah Gombak.
- 2 Pelan Tapak : Seperti di Lampiran
- 3 Butiran Tanah :
  - a. Luas : L/K 20,234.3 meter persegi (5 ekar)
  - b. Syarat Nyata : Industri Berat
  - c. Zoning : Industri  
(Merujuk kepada Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2020)
  - d. Dasar / polisi Kerajaan Negeri perlu dipatuhi bagi cadangan industri
    - i. Merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke-36/2017, permohonan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil. 6/2010 dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil. 3/2016.
    - ii. Pelan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Bagi yang berminat, sila dapatkan senarai semak dan borang permohonan PDTG/PB01/2018 dengan bayaran RM50.00 dari Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak dengan mengemukakan harga yang hendak ditawarkan.

Sila kemukakan permohonan kepada :


**PENTADBIR TANAH GOMBAK**

Pejabat Daerah dan Tanah Gombak  
Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai,  
Bandar Baru Selayang  
**68100 BATU CAVES,  
SELANGOR DARUL EHSAN.**


Tarikh tutup : - 13 Ogos 2018 (Isnin) - Satu (1) bulan daripada tarikh kenyataan ini disiarkan





# HUTAN SIMPANAN BUKIT LAGONG

TAHAP : GOMBAK  
MUKIM : KUANG



1:10000



- PETUNJUK
-  SEMPADAN HUTAN SIMPANAN KEKAL
  -  KOMPARTMEN HSK
  -  LOT TANAH /KERAJAAN
  -  KAWASAN KUARI